

Masjid Bandar Seri Putera: Menggarap Gagasan Masjid Nabawi dan Masjid Quba

AJK 2023 - 2025

Masjid Bandar Seri Putra:
Menggarap Gagasan Masjid Nabawi dan
Masjid Quba

AJK 2023 - 2025

Diterbitkan oleh:
Masjid Bandar Seri Putra,
Lot 39343, Jalan Seri Putra 1/1,
Bandar Seri Putra, Bangi,
43000 Kajang, Selangor

Hak Cipta: Masjid Bandar Seri Putra

Email: rizaatiqrahmat@gmail.com

Masjid Bandar Seri Putra: Menggarap Gagasan Masjid Nabawi dan Masjid Quba

Teks © Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat, 2025
Grafik dan ilustrasi © AJK 2023 - 2025

e ISBN: 978-629-94250-3-8

Edisi Asal: Pertama kali diterbitkan 2025
Catan kulit: Abdullah Al-Marawi

Sinopsis

Buku laporan bertajuk “Masjid Bandar Seri Putra: Menggarap Gagasan Masjid Nabawi dan Masjid Quba” menghimpunkan pengalaman, peranan dan pencapaian Masjid Bandar Seri Putra (MBSP) dalam konteks masjid kontemporari. Inspirasi utama diambil daripada Masjid Nabawi yang menjadi pusat ilmu, ibadah, dan kepimpinan Rasulullah ﷺ di Madinah, serta Masjid Quba yang dibina atas dasar takwa.

Laporan ini menilai fungsi MBSP dalam empat aspek utama, iaitu sebagai pusat ibadah, pusat dakwah, pusat ilmu, dan pusat kemasyarakatan. Sebagai pusat ibadah, MBSP menyediakan kemudahan moden, mesra jemaah dan mesra OKU, serta memakmurkan pelbagai program ibadah. Sebagai pusat dakwah, masjid ini menggunakan pendekatan tradisional dan digital, mengadakan kuliah, forum, dialog antara agama, serta memanfaatkan media sosial.

Dalam aspek pusat ilmu, MBSP menyediakan kelas pengajian, kursus praktikal, perpustakaan fizikal dan digital, serta menerbitkan buku. Program wakaf ilmu, sijil pengajian berperingkat, dan penilaian asatizah turut diperkenalkan. Sebagai pusat kemasyarakatan, MBSP melaksanakan program kebajikan, pembangunan ekonomi asnaf dan ibu tunggal, kursus keluarga, bimbingan pelajar, serta membina jaringan kerjasama dengan sekolah, universiti, NGO dan institusi kesihatan.

Kesimpulannya, MBSP berjaya mengangkat gagasan masjid Nabawi dan Quba dalam realiti moden sebagai pusat ibadah, ilmu, dakwah dan pembangunan masyarakat, sekali gus menjadi mercu tanda masyarakat Islam yang unggul di Malaysia.

Senarai Kandungan

1. Pendahuluan	1
1.1 Sejarah dan Penubuhan Masjid Bandar Seri Putra	1
1.2 Pentadbiran Masjid	1
2. Masjid sebagai Pusat Ibadah	4
2.1 Infrastruktur dan Kemudahan	4
2.2 Kemudahan OKU	8
2.3 Solat-solat Khas	9
2.4 Kualiti Solat Berjemaah	12
3. Masjid sebagai Pusat Dakwah	15
3.1 Menarik Orang ke Masjid	15
3.2 Dakwah kepada yang Belum Islam	16
3.3 Dakwah melalui Alam Cyber	17
3.4 Jaringan Strategik untuk Menjalankan Dakwah	23
3.5 Pengislaman Orang yang Kembali kepada Islam	24
4. Masjid sebagai Pusat Ilmu	26
4.1 Program Literasi Quran	26
4.2 Majlis Ilmu oleh Pensyarah-pensyarah Berwibawa	27
4.3 Majlis Ilmu Khas untuk Kanak-kanak dan Para Ibu	28
4.4 Ilmu Praktikal	29
4.5 Kursus-kursus Khas Jangka Pendek	31
4.6 Perpustakaan: Khazanah Ilmu	31
4.7 Penjanaan Ilmu	33
4.8 Wakaf Ilmu	34
4.9 Penilaian Penceramah	35

4.10 Pemberian Sijil	36
4.11 Jaringan Kerja Sama untuk Menyebarkan Ilmu	38
5. Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan	42
5.1 Program Sosial dan Kebajikan Masyarakat	42
5.2 Peranan Masjid dalam Pembangunan Masyarakat	47
5.3 Keterangkuman Masyarakat	54
5.4 Kemudahan & Infrastruktur Komuniti	59
5.5 Media & Komunikasi Komuniti	62
5.6 Pengurusan & Strategi Kemasyarakatan	65
5.7 Peningkatan Penglibatan Masyarakat	66
5.8 Jaringan Kerjasama untuk Kemasyarakatan	67
6. Kesimpulan	70
Indeks	71

Masjid Bandar Seri Putra: Menggarap Gagasan Masjid Nabawi dan Masjid Quba

1. Pendahuluan

Buku laporan ini menghimpunkan pengalaman dan dokumentasi Masjid Bandar Seri Putra (MBSP) dalam melaksanakan peranan sebagai sebuah institusi moden berteraskan gagasan Masjid Nabawi dan Masjid Quba. Dua masjid utama ini – Masjid Nabawi yang didirikan Rasulullah SAW di Madinah dan Masjid Quba yang dibina atas dasar takwa – menjadi sumber inspirasi utama dalam pengurusan, program, dan hala tuju MBSP. Buku ini merupakan penilaian MBSP sebagai pusat ibadah, dakwah, ilmu, dan kemasyarakatan.

1.1. Sejarah dan Penubuhan Masjid Bandar Seri Putra

Masjid Bandar Seri Putra terletak di kawasan perumahan pesat berkembang di Bangi, Selangor. Ia dibina dengan kos RM9.4 juta, sebahagian besarnya hasil infak orang ramai. Masjid ini boleh menampung sekitar 4,000 jemaah dalam satu-satu masa dengan dewan solat utama dan dewan solat atas berhawa dingin. Sejarah pembinaan bermula pada tahun 2008 dengan jawatankuasa protem, kerja cerucuk pada 2012, dan perasmian rasmi oleh DYMM Sultan Selangor pada tahun 2016.

1.2. Pentadbiran Masjid

Pada masa ini masjid ini diuruskan oleh Jakawatankuasa dan pegawai masjid seperti gambar, jadual dan carta di bawah.




Ahli jawatankuasa sekarang (1 Januari 2023 - 31 Disember 2025)	
Nazir	Dato' Prof. Emeritus Dr Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat
Timbalan Nazir	Dr Azli Arifin
Imam 1	Ustaz Najmi Yahya
Imam 2	Ustaz Ahmad Fahmi Mohamad
Setiausaha	Prof. Dr Shahrul Azman bin Mohd Noah
Penolong Setiausaha	Prof Dr Ishak Ahmad
Bendahari	Tn Hj M Aminuddin Ismail@ Hassan
Penolong Bendahari	En Ahmad Basy
Bilal 1	Tn Hj Mohd Dzikri Mohd Nor
Bilal 2	En Mohd Muin Sani
Siak 1	En Zuhaimi Ibrahim
Siak 2	En Abdul Latif Abdul Malek
Wakil Wanita	Pn Nor Hidayah Kasim
Pengurus Jenazah Muslimat	Pn Lindawati Awardin
Wakil Pemuda	Ustaz Firdaus Mohamad
AJK	Dr Abu Zaki Ismail
AJK	Dr Muhamad Faisal Asha'ari
AJK	Ustaz Mohd Rasyidi Ali
AJK	Tuan Hj Arzock Nassar
AJK	Pn Nor Rashidah Shaarani
Pemeriksa Kira-kira 1	Engku Faizal Annuar bin Che Engku Husin
Pemeriksa Kira-kira 2	Mohammad Rasyidi Abdul Rahman



CARTA ORGANISASI

PEGAWAI DAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH MASJID BANDAR SERI PUTRA 43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN SESI : 2023-2025



2. Masjid sebagai Pusat Ibadah

Sebagai pusat ibadah, MBSP menekankan keselesaan jemaah, kebersihan, keterangkuman dan pengurusan solat yang berkualiti. Infrastruktur termasuk dewan solat yang luas, ruang suffah, bilik kuliah, bilik jenazah, bilik imam dan muazin, bilik mesyuarat, dapur, serta perpustakaan fizikal dan digital. Kemudahan mesra OKU turut disediakan dengan tandas khas, ramp, tempat letak kereta OKU, dan khutbah dengan bahasa isyarat. Program ibadah seperti solat berjemaah lima waktu, solat Jumaat, solat hajat, iftar Ramadan, qiamullail, korban, khatam al-Quran, dan Maulidur Rasul diimarahkan sepanjang tahun.

2.1 Infrasetruktur dan Kemudahan



Ruang solat utama direka dengan konsep moden dan terbuka yang menekankan elemen keindahan seni bina Islam. Dewan solat ini berhawa dingin, luas dan mampu menampung 900 orang jemaah.

Ruang di tingkat atas pula boleh menampung sehingga 800 orang jemaah.

Ruang-ruang ini berhawa dingin





Di bahagian belakang masjid terdapat ruang yang panjang. Ia boleh menampung 1000 orang jemaah ketika solat Jumaat. Pada hari lain ruang ini digunakan untuk jamuan, latihan seni mempertahankan diri di samping menjadi tempat kanak-kanak bermain.





Masjid Bandar Seri Putra mempunyai dua ruang Suffah. Rung ini adalah ruangan terbuka untuk aktiviti **kelas agama, pengajian Al-Quran**, tahfiz, majlis akad nikah, akikah selain menjadi tempat berkumpulnya ahli jemaah untuk perbincangan ilmu. Ia juga digunakan oleh musafir solat dan berehat. Kedua-dua ruang suffah dan kawasan sekelilingnya boleh menampung 1300 orang ketika solat Jumaat.

2.2 Kemudahan OKU



Tandas Mesra OKU

Masjid menyediakan tandas khas yang direka untuk kemudahan OKU, dengan ruang yang lebih luas dan kelengkapan yang memudahkan pengguna kerusi roda.



Ramps dan Laluan Khas

Terdapat kemudahan laluan khas berbentuk *ramp* yang membolehkan mereka yang menggunakan kerusi roda atau yang mengalami masalah pergerakan untuk masuk dan keluar dari masjid dengan mudah.



Tempat letak kereta OKU

Dua petak khas tempat letak kereta khas telah disediakan untuk OKU



Khutbah Bahasa Isyarat

Masjid menyediakan bahasa isyarat setiap kali khutbah Jumaat untuk kemudahan orang yang ada masalah pendengaran.

2.3 Solat-solat Khas



Solat gerhana dan qiamullail

Masjid Bandar Seri Putra
MASJID BANDAR SERI PUTRA

IMAM QIAMULLAIL

Mula pada jam
**25 RAM
1446H**

BERSAMA
UST. WAN HAKIMIN

LOKASI: MASJID BANDAR SERI PUTRA, KAJANG

Solat sunat Tahajjud, solat sunat Taubat & Solat sunat w

Ikuti kami di: @MasjidBSP

Qiamullail diadakan pada 10 malam terakhir Ramadhan



Kempen solat subuh berjemaah selama 40 hari khas untuk pelajar sekolah

2.4 Kualiti Solat Berjemaah



Bilal Dzikri sedang melaungkan azan
• (Azan Memori Maqom Nakriz)

Imbas QR di sebelah untuk melihat video
dan mendengar laungan azan





**Bilal Dzikri sedang melaungkan azan
Maqam Soba**

Imbas QR di sebelah untuk melihat video dan
mendengar laungan azan



Satu lagi azan di
masjid BSP



Iqamah



**Suasana ketika solat
Jumaat diimamkan
oleh imam 1**

Imbas QR di bawah untuk
melihat video



3. Masjid sebagai Pusat Dakwah

Masjid Bandar Seri Putra aktif menyampaikan dakwah dengan pelbagai kaedah. Program dakwah merangkumi kuliah tafsir, hadis, fiqh, akhlak, pengajian kitab turath, kelas fardu ain, forum perdana, Tahnik Perdana, bimbingan mualaf, dan ziarah mahabbah. Golongan belia terlibat dalam kem remaja, halaqah ilmu, dan program motivasi. MBSP juga menekankan penggunaan media dan teknologi: kuliah disiarkan secara langsung melalui Facebook, YouTube, TikTok, serta WhatsApp group. Pertandingan video pendek mengenai sejarah Islam di kalangan pelajar turut diadakan. Dakwah kepada masyarakat bukan Islam dilaksanakan dengan dialog, jemputan berbuka puasa, serta kerjasama NGO sehingga membawa kepada pengislaman mualaf di MBSP.

3.1 Menarik Orang ke Masjid



Acara Tahnik Perdana untuk membiasakan orang semenjak bayi ke masjid

3.2 Dakwah kepada yang belum Islam



Latihan dakwah kepada yang belum Islam




Progam dakwah kepada yang belum muslim dengan berdialog dan menjemput berbuka puasa

3.3 Dakwah melalui Alam Cyber



Laman sesawang (Website) masjid digunakan untuk memberikan maklumat-maklumat penting mengenai masjid seperti kaedah memberi infak, jadual kuliah, khairat kematian dan sebagainya



Masjid juga mempunyai saluran YouTube untuk menyebarkan kuliah-kuliah ke alam maya supaya lebih ramai orang dapat mendengar

 Beberapa Kaedah Pengajaran-Pembelajaran Masa Kini Education By: Riza Atiq Abdullah bin Q.K. Rahmat Download	 Gagasan Masjid Nabawi: Memperkasa Pendidikan... Education, Masjid By: Riza Atiq Abdullah bin Q.K. Rahmat Download	 Gagasan Masjid Nabawi: Mengupayakan Masyarakat... Education, Masjid, Masyarakat By: Riza Atiq Abdullah bin Q.K. Rahmat Download	 Gagasan Masjid Nabawi: Mengupayakan Masyarakat... Education, Masjid, Masyarakat By: Riza Atiq Abdullah bin Q.K. Rahmat Download
 Hadis 40 berkenaan Keselamatan Jalan...	 Hadis 40 Berkenaan Pengajaran dan Pembelajaran	 Hadis 40: Pendidikan Kanak-kanak	 How To Win Friends And Influence People

Buku terbitan Masjid BSP yang diletakkan dalam e-Library. Buku-buku ini boleh dimuat turun oleh orang ramai secara percuma





Saluran Facebook masjid dimanfaatkan untuk memberi pemakluman aktiviti dan berita-berita masjid di samping menjadi saluran kuliah-kuliah ke alam maya.



Saluran Instagram masjid pula digunakan untuk pemakluman aktiviti, berita-berita masjid serta video-video klip berunsur dakwah



Masjid juga mempunyai saluran TikTok. Saluran ini bertujuan untuk menyampaikan dakwah dalam bentuk cerita pendek yang menghiburkan. Ia juga digunakan untuk mendapatkan tajaan dan sumbangan kewangan.



Whatsapp Group Masjid BSP untuk tujuan hebahan



Masjid BSP mengadakan pertandingan membuat video pendek di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah mengenai Sejarah Islam. Pertandingan ini diadakan setiap bulan dan mesti dimuat naik ke media sosial seperti YouTube, FaceBook dan TikTok

3.4 Jaringan Strategik untuk Menjalankan Dakwah



Menjalin kerja sama dengan Hidayah Centre untuk dakwah kepada yang belum Islam

3.5 Pengislaman Orang yang Kembali kepada Islam



Usaha dakwah menyebabkan terbukanya hati beberapa orang untuk bersyahadah di Masjid Bandar Seri Putra



Beberapa orang yang terbuka hatinya untuk menerima Islam lalu bersyahadah di Masjid BSP

4. Masjid sebagai Pusat Ilmu

Berinspirasi Masjid Nabawi, MBSP menjadi pusat ilmu yang melahirkan masyarakat berilmu dan berakhlak. Program pendidikan termasuk kelas tajwid, hafazan, tafsir, fiqh, aqidah, sirah, hadis, fardu ain, kuliah maghrib dan subuh, kursus praktikal penyembelihan, korban, haji, dan umrah. Kursus khas seperti haji cilik, pertolongan cemas, dan kursus kesihatan turut dianjurkan. MBSP mempunyai perpustakaan fizikal (untuk lelaki dan wanita) serta e-Library digital yang menyediakan buku, risalah, dan rakaman kuliah. MBSP juga merupakan penerbit berdaftar dengan Perpustakaan Negara dan telah menerbitkan buku-buku yang diedarkan kepada masyarakat. Asatizah yang bertauliah, berakhlak mulia, dan berilmu luas menjadi teras kekuatan pengajian. Bagi pengembangan ilmu, MBSP telah mewujudkan program wakaf ilmu.

4,1 Program Literasi Quran



Kelas hafazan Quran



Kelas asas Tarannum

4.2 Majlis Ilmu oleh Pensyarah-pensyarah Berwibawa



Kuliah maghrib dan subuh yang terdiri dari fiqh, aqidah, sirah, hadis, fardu ain, tafsir dan kitab turas

4.3 Majlis ilmu khas untuk kanak-kanak dan para Ibu



Program khas untuk kanak-kanak



Program khas cuti sekolah



Kuliah Dhuha fardu ain setiap Jumaat khas untuk Muslimat



Latihan keterampilan

4,4 Ilmu Praktikal



Kursus Praktikal: Penyembelihan dan pengurusan korban



Kursus Haji Cilik



Kursus Umrah oleh Az-Zuha



Kursus haji oleh Tabung Haji



Kelas Pertolongan Cemas dan Kesihatan oleh LiveSaver

4.5 Kursus-kursus Khas Jangka Pendek



Kolokium khas kepada pensyarah-pensyarah Universitas Raden Rahmat (NU) dan Universitas Muhammadiyah, Malang, Indonesia mengenak Pendidikan Unggul Masjid Nabawi dan penggunaan AI dalam Pengajaran-pembelajaran

4.6 Perpustakaan: Khazanah Ilmu




Masjid BSP mempunyai dua perpustakaan fizikal, masing-masing untuk lelaki dan perempuan



Masjid BSP juga mempunyai perpustakaan maya

https://masjidbsp.org.my/elibrary/

 Beberapa Kaedah Pengajaran-Pembelajaran Masa Kini Education By: Riza Atia Abdulah bin O.K. Rahmat Download	 Gagasan Masjid Nabawi: Memperkasa Pendidikan... Education Masjid By: Riza Atia Abdulah bin O.K. Rahmat Download	 Gagasan Masjid Nabawi: Mengupayakan Masyarakat... Education Masjid Masyarakat By: Riza Atia Abdulah bin O.K. Rahmat Download	 Gagasan Masjid Quba Masjid Pengunasan By: Riza Atia Abdulah bin O.K. Rahmat Download
 Hadis 40 berkenaan Keselamatan Jalan...	 Hadis 40 Berkenaan Pengajaran dan Pembelajaran	 Hadis 40: Pendidikan Kanak-kanak	 How To Win Friends and... Motivation

https://masjidbsp.org.my/elibrary/e-library/kuliah/

E LIBRARY KULIAH

KULIAH

- PEMBANGUNAN BANDAR MAPAN
- ASAS TARBIAH ISLAM
- PESANAN SEORANG IBU
- NASIHAT SEORANG BAPA
- PERTANIAN BANDAR - HIDROPONIK
- 21 SIFAT KEPIMPINAN UNTUK ABAD 21

21 SIFAT KEPIMPINAN UNTUK ABAD 21

AQIDAH

ASAS TARBIAH (PENDIDIKAN ISLAM)

E LIBRARY

KULIAH

FARIDATUL FARAIID

FIQH

Fiqh Muamalat

Fiqh Munakahat

JOM MENGENALI ILMU QIRAAT

Perpustakaan maya (E-Library) mengandungi buku-buku digital dan rakaman kuliah-kuliah

4.7 Penjanaan Ilmu



Masjid BSP telah menjadi penerbit yang berdaftar

Hadis 40 Berkenaan Pengajaran dan Pembelajaran

ISBN 978-629-95226-4-5



Masjid Bandar Seri Putera

Contoh buku yang telah diterbitkan dan didaftarkan di Perpustakaan Negara

4.8 Wakaf Ilmu

WAKAFKAN ILMU AND.
AHLI KARIAH MASJID BSP DIJEMPUT

 dalam bentuk 

MANUSKRIP ATAU VIDEO

HUBUNGI NAZIR JIKA BERMINAT

Manuskrip yang sesuai akan diterbitkan oleh Masjid BSP untuk disebarakan

4.9 Penilaian Penceramah

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfX-mZQ47ilb4ahN7tnAbXkhJHSNFT3EG14-F2nzmJbZ8N60Q/viewform>

Borang Maklumbalas Prestasi Penceramah Bulanan MBSP Tahun 2024

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Terima kasih atas kesudian anda meluangkan masa untuk memberikan maklum balas terhadap prestasi penceramah di Masjid Bandar Seri Putra.

Borang ini bertujuan untuk menilai dan meningkatkan lagi mutu penyampaian ceramah, serta memastikan kandungan yang disampaikan relevan dan bermanfaat kepada para jemaah. Maklum balas anda amat penting bagi penambahbaikan program dan perkhidmatan Masjid Bandar Seri Putra.

Arahan:

1. Sila lengkapkan borang ini dengan memberikan maklum balas yang jujur dan membina.
2. Semua jawapan anda akan dirahsiakan dan digunakan hanya untuk tujuan penilaian dan penambahbaikan.
3. Luangkan masa beberapa minit untuk menjawab semua soalan yang disediakan.
4. Jika terdapat sebarang cadangan tambahan, sila nyatakannya di bahagian akhir

Borang penilaian prestasi asatizah oleh ahli kariah dalam talian. Setiap hujung tahun ahli kariah dijemput untuk memberikan penilaian kepada pensyarah. Pensyarah yang mendapat markah rendah akan dikeluarkan dari senarai penceramah MBSP pada tahun berikutnya.

4.10 Pemberian Sijil



Sijil diberi kepada peserta kuliah maghrib, subuh dan kursus-kursus kepada siapa yang memerlukan.

Sijil juga diberi kepada kursus-kursus khas jangka pendek.



Sijil khas juga diberikan seperti berikut:

1. Sijil Khas peringkat 1

Diberikan kepada peserta yang telah menghadiri sekurang-kurangnya 25 siri kursus atau mengikuti kursus sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

2. Sijil Khas peringkat 2

Diberikan kepada peserta yang telah menghadiri sekurang-kurangnya 15 siri kursus tambahan selepas 25 kursus peringkat 1, atau mengikuti kursus sekurang-kurangnya selama 1 tahun selepas mendapat

3. Sijil Khas Peringkat 3

Diberikan kepada peserta yang telah menghadiri sekurang-kurangnya 20 siri kursus tambahan selepas 40 kursus peringkat 1 dan 2, atau mengikuti kursus sekurang-kurangnya selama 1 tahun selepas mendapat Sijil Khas Peringkat 2

4. Sijil Khas Peringkat 4

Diberikan kepada peserta yang berjaya menulis sebuah buku berkaitan pelajaran yang didapati dari Masjid Bandar Seri Putra, setebal sekurang-kurangnya 100 halaman, selepas memperoleh Sijil Khas Peringkat 3.

5. Sijil Khas Peringkat 5

Diberikan kepada peserta yang berjaya menulis sebuah buku tambahan setebal sekurang-kurangnya 120 halaman, selepas memperoleh Sijil Khas Peringkat 4.

6. Sijil Khas Peringkat 6

Diberikan kepada peserta yang berjaya menulis sebuah buku setebal sekurang-kurangnya 150 halaman, selepas memperoleh Sijil Khas Peringkat 5.




4.11 Jaringan Kerja Sama Untuk Menyebarkan Ilmu



Bekerja sama dengan PIBG sekolah untuk mengadakan solat hajat khas memohon pertolongan Allah supaya pelajar-palajar dapat melalui peperiksaan utama dengan jayanya.



Mengagihkan
buku-buku
keibu-bapaan
dan
pendidikan
kanak-kanak
melalui PIBG
dan
perpustakaan
universiti
berhampiran



Mengagihkan
buku-buku
Pendidikan
dan
Pengajaran-
Pembelajaran
melalui PIBG
dan
perpustakaan
universiti
berhampiran



Kempen
Keselamatan
jalan raya
dengan
kerjasama
PIBG dan
MIROS

5. Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan

Sebagai pusat kemasyarakatan, MBSP berperanan menyatukan masyarakat melalui program sosial dan kebajikan. Program termasuk bantuan kepada asnaf, gerobok kasih, bantuan banjir, pendaftaran perkahwinan, aqiqah, dan kenduri. Bulan Ramadan menjadi tumpuan dengan tadarus, qiamullail, khatam Quran, solat tarawih, dan iftar. Program pembangunan masyarakat termasuk kursus kekeluargaan, bimbingan pelajar SPM, tuisyen khas, kaunseling percuma, motivasi belia, serta latihan keterampilan seperti seni mempertahankan diri. Inisiatif ekonomi melibatkan keusahawanan asnaf dan ibu tunggal melalui latihan memasak, pembungkusan, pemasaran, serta pinjaman mikro Qardul Hasan. Jaringan kerjasama wujud dengan sekolah, universiti, NGO, bank, dan institusi kesihatan bagi memperkukuh fungsi masjid.

5.1 Program Sosial dan Kebajikan Masyarakat



ihsanku **MASJID BANDAR SERI PUTRA**

MISI BANTUAN MANGSA BANJIR

Lokasi Pusat Pengumpulan:
Masjid Bandar Seri Putra Bangi
Jalan Seri Putra 2/1, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

Tarikh dan Masa Pengumpulan:
6 Disember 2024 **7 Disember 2024**
2.30 Petang - 6:00 Petang 9:30 Pagi - 5:00 Petang

- **Makanan Siap Masak (Pek/Tin)**
Kari Ayam, Sardin DLL
- **Air Minuman**
- **Kit Kebersihan**
Ubat Gigi, Berus Gigi, Sabun, Syampu
- **Susu Bayi**
- **Toto**
- **Kain Batik**
- **Kain Pelikat**
- **Tikar**
- **Tuala Wanita**
- **Lampin Bayi**

*kami tidak menerima pakaian terpakai

Hubungi Untuk Maklumat Lanjut:
011-2700 2003



Misi bantuan banjir



Penyampaian bantuan kepada asnaf menjelang hari raya. Di samping bantuan dari masjid BSP, bantuan juga disumbangkan oleh syarikat-syarikat berhampiran.



Masjid BSP juga mengadakan Gerobok kasih yang menempatkan sumbangan makanan dari orang ramai untuk diagihkan kepada orang yang memerlukan



Acara pendaftaran perkahwinan dan majlis akad nikah yang banyak dilakukan di Masjid BSP



Menjadi salah satu pusat OPPA (Older Persons Peer Support Agent) – Ejen Sokongan Warga Emas



Berbuka puasa untuk 1000 orang



Imbas untuk melihat video suasana berbuka puasa



Tadarus malam Ramadhan



Acara Khatam Quran



Agihan bantuan kepada asnaf



Solat tarawih



Qiamul lail 10 malam terakhir



Pemakluman solat Id

Bulan Ramadhan masjid menjadi tumpuan masyarakat

5.2. Peranan Masjid dalam Pembangunan Masyarakat



Buku-buku yang disebarikan kepada masyarakat untuk meningkatkan keupayaan ibu bapa dalam mendidik anak



Buku-buku yang disebarikan kepada guru dan pensyarah untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam mendidik generasi akan datang



Acara tahunan memberikan bimbingan kepada pelajar lepasan SPM



Latihan keterampilan mempertahankan diri khas untuk belia



KELAS TUISYEN SMART MBSP

Tarikh bermula 7 April 2025

Tingkatan 4 dan 5

TEMPAT TERHAD

SETIAP ISNIN DAN SELASA
MATH 8PM- 10PM

SETIAP KHAMIS DAN JUMAAT
ADDMATH 8PM -10PM

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH
BERHUBUNG
USTAZ NAJMI 0196101150

UNTUK PENDAFTARAN
BOLEH SCAN PADA
QR.



Anjuran Biro Ehwal Belia & Riadah MBSP

Tuisyen khas
untuk
pelajar-
pelajar
tingkatan 4
dan 5





PUSAT KHIDMAT NASIHAT & KAUNSELING

KAMI MENAWARKAN KHIDMAT NASIHAT KAUNSELING:

- Awal perkahwinan
- Rumahtangga
- Pengurusan kewangan
- Nikah,cerai & rujuk
- Kanak-kanak & remaja
- Masalah keluarga

PERCUMA!!

TEMPAH SEKARANG!

Nombor telefon **011-55561151**

Laman sesawang **www.masjidbsp.com**

Anjuran : Biro Khidmat Nasihat & Kaunseling

Ikuti kami di:     @MasjidBSP

Khidmat kaunseling percuma oleh kaunselor bertauliah

Kelas TikTok Content

Ahad | 9 Feb 2025
8.30am-1.00pm
Bilik Kuliah,
Masjid Bdr. Seri Putra

Perkongsian oleh:
Encik Azizi
Content Creator
TikTok MBSP

Yuran penyertaan
RM40
Sarapan, c-Sijil,
Video Tutorial,

- ✓ Bina Branding
- ✓ Formula Video Viral
- ✓ Lubuk Idea Content
- ✓ Teknik Rakaman
- ✓ Editing CapCut

Mesej 013-999 7278
untuk pendaftaran

Membangun Keusahawanan

Masjid BSP mengadakan latihan TikTok Content sebagai salah satu cara membina keusahawan di kalangan orang muda.

Bagi menyokong gagasan ini, Masjid BSP memperuntukkan RM 10,000 untuk kredit mikro qardul hasan untuk yang ingin memulakan perniagaan.

Masjid BSP juga akan menghubungkan usahawan muda yang memerlukan dana yang lebih besar dengan Bank Muamalat

Pembangunan Keusahawanan Asnaf dan Ibu Tunggal



Masjid Bandar Seri Putra menganjurkan program pemberdayaan ekonomi asnaf dan ibu tunggal melalui latihan memasak kuih di dapur masjid, teknik pembungkusan yang menarik, serta strategi pemasaran yang sesuai dengan pasaran semasa. Di samping itu, peserta turut dibantu dengan kemudahan **Qardul Hasan**, iaitu pinjaman tanpa faedah bagi memulakan atau mengembangkan usaha kecil mereka. Inisiatif ini bukan sahaja memberi kemahiran praktikal, tetapi juga membuka ruang menjana pendapatan sendiri, sekali gus meningkatkan kesejahteraan keluarga dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan semata-mata.

5.3 Keterangkuman Masyarakat



Program tahnik bayi



Program khas kanak-kanak



Kelas duha khas untuk Muslimat



Meraikan bakal haji



Acara korban tahunan diuruskan dan dilaksanakan oleh ahli-ahli kariah. Semangat ukhuwah dan taawun telah memudahkan semua kerja-kerja



Tadarus dan acara khatam Quran pada bulan Ramadhan disertai oleh pelajar sekolah rendah, sekolah menengah, belia, orang dewasa dan orang tua.



Imbas untuk
melihat video
perarakan



Imbas untuk
melihat video
acara dalam
masjid



Sambutan Maulidur Rasul menarik penyertaan dari segenap lapisan masyarakat



MASJID BANDAR SERI PUTRA

PROGRAM

Hafiah al-Quran

Follow



Masj



Ust. Khairi Maidin
Johan Qari Negeri Melaka



Ust. Abdul Khair Jalil
Johan Qari Antrbgsa. 2019



Ust. Husaini Mahmur
Johan Qari Antrbgsa 2024

Memperkenalkan bacaan qari johan kebangsaan dan antarabangsa dalam mengalunkan bacaan al-Quran dengan pelbagai lagu dan burdah bacaan untuk menjentik hati dalam menghayati kalamullah.

**JAMUAN
DISEDIAKAN**



Date

4 Sept, 2025, Thursday



Time

Start From 9:00 PM



Hafiah Al-Quran menarik kehadiran

5.4. Kemudahan & Infrastruktur Komuniti



Masjid BSP menguruskan Khairat Kematian. Ahli kariah yang hendak menjadi ahli perlu membayar RM50 sekeluarga sekali seumur hidup.

Kos Operasi ditampung dari infaq kepada tabung khairat boleh dibayar kepada akaun di Bank Muamalat **1210-0001763-71-6**

Pendaftaran keahlian boleh dibuat dengan mengimbas QR-code di bawah:



Solat jenazah biasanya dilakukan selepas solat fardu untuk mendapatkan bilangan orang yang ramai



Bilik Pengurusan Jenazah merupakan kemudahan yang disediakan khusus untuk pengurusan dan persiapan jenazah mengikut prosedur Islam. Bilik ini digunakan untuk proses **mandi jenazah, kafan**, dan persediaan lain sebelum dikebumikan. Ia dilengkapi dengan kelengkapan yang mencukupi untuk memastikan proses ini dilakukan dengan penuh hormat dan kesucian.



Ruang suffah kiri dan kanan



Ruang lobi



Ruang panjang di bahagian belakang

Ruang-ruang yang biasa digunakan oleh komuniti




Bagi mengurangkan pencemaran dan pembaziran, Masjid BSP telah menjadi pusat pengumpulan minyak masak terpakai. Minyak masak terpakai ini telah menjadi salah satu sumber pendapatan masjid


5.5 Media & Komunikasi Komuniti



TikTok dan FaceBook digunakan untuk menghebahkan program



Beberapa buku terbitan Masjid BSP. Buku-buku ini disebarikan melalui PIBG sekolah-sekolah berhampiran dan perpustakaan maya (e-Library- [Welcome E-Library MBSP – Dig into Reading](#)). Buku-buku lain boleh dicapai dari e-Library tersebut



Masjid BSP memanfaatkan WhatsApp Group bagi hubungan dua hala dengan ahli kariah. Tiga yang utama adalah seperti di atas.

5.6. Pengurusan & Strategi Kemasyarakatan



Setiap awal tahun AJK dan Pegawai akan bermukim selama dua hari untuk menilai program-program tahun sebelumnya dan menyediakan perancangan strategik untuk tahun semasa

5.7 Peningkatan Penglibatan Masyarakat



Impak program terhadap kesejahteraan masyarakat dapat dilihat jumlah infak yang diperolehi meningkat dengan ketara. Dari pada lebih kurang RM 1.7 juta pada tahun 2023 kepada RM 2.2 juta pada tahun 2024. Peningkatan infak ini telah menyebabkan lebih banyak program dan bantuan dapat dilaksanakan.



Jumlah orang berbuka puasa di masjid BSP telah meningkat dari 500 orang pada tahun 2023, 750 orang pada tahun 2024 dan kepada 1000 orang pada tahun 2025

5.8 Jaringan Kerjasama untuk Kemasyarakatan



Jaringan kerja sama dengan: PIBG sekolah menengah, sekolah Kebangsaan, sekolah agama Universiti-universiti seperti UKM, USIM dan UIS NGO seperti MAPIM dan Hidayah Centre Syarikat-syarikat di sekitar MBSP seperti Azzuha dan Yaskin

Masjid Bandar Seri Putra, Kajang

مسجد باندر سري فونرا
MASJID BANDAR SERI PUTRA

Follow us:   Masjid B

KARNIVAL KESIHATAN M & LIFESAVERS DAY 2025



Mempelajari ilmu pertolongan cemas

- ✓ Teknik CPR bayi & dewasa
- ✓ Asas pertolongan cemas
- ✓ Menyelamatkan mangsa tercekik
- ✓ Teknik Penggunaan AED

Aktiviti sampingan

- ✓ Saringan kesihatan PERCUMA
- ✓ Derma Darah
- ✓ Forum Kesihatan
- ✓ Mewarna untuk kanak-kanak & permainan e-Sports untuk remaja

QR P

ANJURAN BERSAMA:

Jom
DERMA DARAH
DI MASJID BDR SERI PUTRA

27 SEPT 2025
8:00 PG-12:30 T/HARI

Sempena Karnival Kesihatan Masjid BSP & FIMA Lifesavers 2025

ANJURAN BERSAMA:



Mengadakan Karnival Kesihatan melalui Jaringan Hospital Serdang, Hospital Putrajaya, Fima, UPM dan Taylor University



Jaringan dengan USIM, Yayasan Hasanah dan Kementerian Kesihatan untuk menjadi Ejen Sokongan Warga Emas



Forum perdana menjadi daya tarik yang kuat bagi masyarakat. Forum ini dijayakan dengan kerjasama dari Kementerian Kesihatan, JAKIM, RTM, Bank Islam dan Masjid BSP untuk membincangkan Kesihatan Mental

Kesimpulan

Masjid Bandar Seri Putra adalah model masjid kontemporari yang menggabungkan gagasan Masjid Nabawi dan Masjid Quba dalam konteks moden. Ia telah membuktikan kemampuan untuk berperanan bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga pusat pendidikan, dakwah, sosial, dan ekonomi. Dengan infrastruktur yang lengkap, program yang pelbagai, tenaga asatizah berkualiti, serta keterlibatan komuniti, MBSP telah berjaya menjadi mercu tanda masyarakat Islam yang unggul. Kesyinambungan usaha ini akan memastikan MBSP terus menjadi cahaya ilmu, dakwah, dan rahmat bagi generasi kini dan akan datang.

Indeks Dokumen: Masjid Bandar Seri Putra - Menggarap Gagasan Masjid Nabawi dan Masjid Quba

A

Aqidah dan Fiqh..... 15,
26-28

Asatizah dan Penceramah..l..... 35-36

Asnaf dan Bantuan..... 42-44, 53

Akhlik dan Penghayatan
Islam..... 15, 26, 70

B

Bilik Jenazah dan Kemudahan
Komuniti..... 60

Bilal dan Azan..... 12-13

Buku Terbitan Masjid BSP..... 18, 33, 63

Bimbingan Pelajar dan
Tuisyen..... 48, 50

D

Dakwah Masyarakat..... 15-25

Dialog antara Agama..... 16, 23

E

E-Library Masjid BSP..... 32, 63

Ekonomi Asnaf dan Ibu
Tunggal..... 52-53

Evaluasi Asatizah..... 35

F

Forum Perdana..... 69

Fiqh dan Sirah..... 26-28

G

Gerobok Kasih..... 44

Gotong Royong & Korban..... 55

I

Ilmu dan Pendidikan..... 26-37

Infrastruktur Masjid..... 4-9, 59-61

Infak dan Peningkatan Dana..... 66

J

Jaringan Kerjasama..... 23, 38, 67-69

Jenazah dan Khairat
Kematian..... 59-60

K

Kelas Al-Quran dan Hafazan..... 26-27

Kempen Solat dan Ibadah..... 10-14

Kempen Kesihatan..... 68

Keusahawanan TikTok dan Qardul
Hasan..... 52-53

Keterangkuman
Masyarakat..... 54-58

Khazanah Ilmu..... 31-33

Khatam Quran & Tadarus..... 46, 56

Khutbah Bahasa Isyarat..... 9

L

Latihan Keterampilan..... 29, 49

Literasi al-Quran..... 26

M

Masjid sebagai Pusat Ibadah.....
4-14

Masjid sebagai Pusat
Dakwah..... 15-25

Masjid sebagai Pusat Ilmu.....	26-37	Sukarelawan dan PIBG.....	38-41, 67
Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan.....	42-69		
Media Sosial dan Komunikasi.....	17-21, 62-64		
Misi Banjir dan Bantuan.....	43		
Majlis Akad Nikah.....	45		
P			
Pendidikan Kanak-kanak dan Muslimat.....	28-29, 54		
Peranan Masjid dalam Masyarakat.....	47		
Perpustakaan Fizikal dan Maya.....	31-32		
Penerbitan Buku & Wakaf Ilmu.....	33-34		
Penceramah dan Penilaian.....	35		
Pengurusan Strategik Tahunan.....	65		
Program Ramadan & Iftar.....	46		
Program Sosial dan Kebajikan.....	42-45		
R			
Ruang Solat dan Suffah.....	5-7, 60		
S			
Sijil Khas 1-6.....	37		
Solat Jumaat dan Qiamullail.....	10-14		
Strategi Kemasyarakatan.....	65		
Suffah.....	7, 60		
Sumbangan dan Infak.....	66		

The image shows the interior of the Masjid Bandar Seri Putra (MBSP). The focal point is the mihrab, a semi-circular niche with a white and gold geometric pattern and a black band with gold Arabic calligraphy. To the right is the minbar, a dark wooden pulpit with intricate carvings and a glass-enclosed upper section. The floor is covered in a red carpet with a gold geometric pattern. Several people are visible: one person is kneeling in prayer on the left, and others are sitting on the floor. A tall, ornate clock stands on the left side of the mihrab. The walls are decorated with white and gold geometric patterns and calligraphy.

Masjid Bandar Seri Putra (MBSP) menggarap gagasan Masjid Nabawi dan Masjid Quba sebagai asas pembangunan masjid moden yang berperanan sebagai pusat ibadah, dakwah, ilmu dan kemasyarakatan. Dengan kemudahan lengkap, program pendidikan dan sosial yang pelbagai serta penggunaan teknologi digital, MBSP menjadi model masjid kontemporari yang memartabatkan ilmu, memperkukuh ukhuwah dan memakmurkan masyarakat dengan semangat Islam yang progresif.

MASJID BANDAR SERI PUTRA
"MENGGARAP GAGASAN
MASJID NABAWI DAN
MASJID QUBA"

e ISBN 978-629-94250-3-8



9 786299 425038

MASJID BANDAR SERI PUTRA

(pendrive)